



Budaya **misogini** di India

019112 MS 101

Insiden rogol kejam pelajar perubatan di New Delhi, Disember lalu menyebabkan India dicop sebagai negara paling berbahaya untuk golongan itu tanpa mengira peringkat umur dan didakwa turut mengamalkan budaya misogini (rasa benci terhadap orang perempuan).

Tindakan kerajaan memperkenalkan undang-undang dan hukuman lebih tegas dikenakan ke atas individu melakukan jenayah seksual tidak membawa sebarang perubahan, sebaliknya episod keganasan ke atas wanita dilaporkan terus meningkat.

Ia tidak hanya melibatkan rakyat tempatan, malah pelancong asing turut menjadi mangsa nafsu serakah segelintir lelaki di negara itu yang tidak mengenal erti belas ihsan.

Peningkatan kes tersebut menyebabkan banyak pihak termasuk negara antarabangsa khuatir dengan keselamatan dan nasib golongan wanita di India.

Menurut Dewan Perniagaan dan Industri India, jumlah pelancong berkunjung ke negara itu selepas tiga bulan insiden menggemparkan pada Disember lalu berkurangan kepada 35 peratus berbanding tahun lalu.

Aktivis hak asasi manusia turut

mengkritik kerajaan selepas didakwa gagal melindungi rakyat mereka sendiri.

Mereka mengecam sikap sambil lewa pihak berkuasa dan badan sistem kehakiman serta menuntut kerajaan India memberi layanan lebih baik kepada golongan wanita di negara terbabit.

Data rasmi menunjukkan, kes rogol di negara itu meningkat hampir 875 peratus sejak 40 tahun lalu iaitu 2,487 pada 1971

kepada 24,206 pada 2011.

Statistik berhubung kes rogol dan keganasan seksual di India cenderung menjadi kurang tepat dan sukar dibandingkan dengan negara lain kerana stigma masyarakat.

Secara keseluruhannya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan, jumlah keganasan seksual atau fizikal adalah 35.6 peratus.

Ketua Pengarah WHO, Dr Margaret

Chan menyifatkan, keganasan ke atas wanita di negara terbabit sebagai satu masalah 'kesihatan' dan 'wabak' dalam masyarakat.

Sementara itu, pemerhati berpendapat, perkara itu berlaku kerana sistem patriarki iaitu sistem tradisi dipegang atau dikuasai lelaki yang telah lama diamalkan di India.

Selain itu, pornografi dan filem Bollywood yang memaparkan aksi ghairah

juga dilihat sebagai punca utama keganasan seksual berleluasa.

Menurut aktivis, ketidakadilan ke atas wanita dikatakan bermula sejak dalam kandungan.

Pengguguran bayi berdasarkan jantina diteruskan, walaupun ia melanggar undang-undang negara itu malah bancian 2011 menunjukkan bilangan perempuan adalah rendah berbanding lelaki dengan nisbah 940:1,000.

Kebanyakan ibu bapa lebih suka mendapat anak lelaki kerana mereka tidak mahu membayar *dowry* (wang hantaran) dan menganggap anak perempuan sebagai bebanan.

Sementara itu, Pengasas ApneAap, sebuah organisasi pembela hak wanita, Ruchira Gupta berkata, anak perempuan dalam sesebuah keluarga di India sering mendapat layanan berbeza berbanding adik-beradik lelakinya yang lain.

"Mereka terpaksa berhenti sekolah untuk membantu keluarga di rumah atau dipaksa berkahwin. Masyarakat lebih menghargai lelaki berbanding wanita," menurutnya.

Kebanyakan kes rogol berprofil tinggi melibatkan golongan muda dan penganggur.

Pakar berpendapat, pertumbuhan pesat bandar di India telah menyebabkan penindasan secara berterusan ke atas wanita dalam masyarakat yang didominasi lelaki.

Walaupun pelbagai bantahan dan kempen dilakukan, ketidakadilan dan keganasan seksual ke atas wanita serta budaya misogini masih sukar dihentikan.

Siapa harus dipersalahkan?

'Setiap 22 minit, seorang wanita diperkosa di India'